

Remaja dan Muzik

Oleh NADIAH NAUFAL

SENARIO pada hari ini memperlihatkan negara memiliki barisan anak muda yang mempunyai bakat dan potensi yang besar dalam bidang muzik. Nama-nama seperti Yuna, Aizat Amdan, Zee Avi dan Najwa Latif mewarnai persada muzik tanah air, melalui bakat mereka sebagai penyanyi dan komposer. Jika Aizat mula mengukir nama menerusi rancangan realiti TV, Akademi Fantasia, Yuna atau nama sebenarnya, Yunalis Zarai pula dikenali melalui Youtube.

Begitu juga dengan Zee Avi dan Najwa Latif yang menjadi popular secara mendadak apabila masing-masing memuat naik rakaman nyanyian mereka di Youtube. Ekoran daripada itu, Zee Avi berjaya menempa nama sebagai penyanyi dan pencipta lagu di luar negara. Sementara itu, nyanyian Najwa Latif di Youtube dilaporkan menerima sehingga enam juta penganjur internet. Youtube menjadi fenomena untuk remaja "memasarkan" bakat yang terpendam.

Apa-apa pun, bukanlah isu tentang wahana atau platform yang digunakan oleh mereka untuk menjadi popular yang mahu diulas, sebaliknya yang ingin diperkatakan ialah keterserlahan bakat mereka sebagai pencipta lagu. Gelombang baharu ini menunjukkan negara kita tidak ketandusan golongan remaja yang berbakat besar dalam bidang muzik. Mungkin ada banyak lagi remaja di luar sana yang berbakat besar dalam bidang muzik, tetapi bakat mereka masih belum dicungkil atau terserlah.

Sememangnya remaja sangat cenderung untuk menyukai atau menggilai muzik. Namun demikian, masyarakat di Malaysia sering mengaitkan muzik untuk tujuan hiburan semata-mata. Jarang-jarang yang melihat muzik sebagai peluang atau sumber pendapatan dan kerjaya yang menjanjikan pulangan yang lumayan dan sekali gus dapat menjanakan pendapatan kepada negara. Masyarakat di Malaysia masih melihat muzik dalam ruang yang agak terhad. Bidang muzik dan peranannya masih dianggap tidak begitu penting, sedangkan muzik mempunyai pengaruh yang besar terhadap emosi, psikologi, dan pembentukan nilai intelek individu. Oleh sebab itu jugalah, Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) sentiasa menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sejak sekian lama prihatin dalam menerapkan pendidikan muzik dalam kalangan murid sekolah rendah.

Pendidikan muzik yang diserapkan menerusi kokurikulum sekolah merupakan pendekatan yang selari dengan keperluan negara untuk muncul sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pendedahan dalam bidang muzik, khususnya daripada peringkat awal tumbesaran kanak-kanak, amat penting

dan berupaya mempengaruhi emosi serta pemikiran kanak-kanak.

Pakar psikologi Barat mendedahkan muzik pada peringkat bayi dalam kandungan lagi dengan muzik tertentu, seperti genre klasikal, bagi membantu perkembangan otak janin. Dari sudut pendidikan Islam pula, penerapan alunan irama tertentu digalakkan untuk melahirkan insan yang seimbang, seiring dengan pengaruh rohani dan jasmani ketika bayi masih dalam kandungan.

Sehubungan dengan itu, pendedahan terhadap muzik pada peringkat kanak-kanak akan memberi mereka peluang untuk mengenali pelbagai genre dan cabang muzik yang amat luas, di samping merangsang daya kreativiti. Dalam hal ini, muzik tidak seharusnya dilihat dari aspek hiburan semata-mata, bahkan perlu diperhatikan secara lebih intelek serta dapat dihubungkan dengan nilai pemikiran dan kreativiti dalam penghasilannya. Seterusnya, nilai tersebut dapat diaplikasikan dalam pelbagai bidang yang meliputi kerjaya yang diceburi dan aspek kehidupan yang lain.

Sementara itu, melalui muzik tradisional pula kanak-kanak dan remaja dapat mengenali akar budaya serta jati diri mereka, dan menghargai nilai budaya yang lahir daripada muzik. Tegasnya, pendidikan muzik yang didedahkan kepada golongan muda bukan sahaja mampu melahirkan

Dengan menyedari peri pentingnya peranan muzik terhadap remaja, DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan program "DiGi Live Sekolahku Berbakat" bagi mencungkil potensi yang ada dalam diri mereka untuk diketengahkan menerusi seni pentas. Program inisiatif ekspresi belia



Remaja sangat cenderung untuk menggilai muzik.

DiGi itu diadakan dengan kerjasama KPM bagi menggalakkan golongan muda yang berumur antara 12 tahun hingga 19 tahun menampilkan kreativiti diri dengan cara yang sihat, menyeronokkan, dan kreatif melalui muzik.

Menurut Ketua Pemasaran Segmen DiGi, Moharmustaqeem Mohammed, menerusi pelibatan mereka dengan golongan belia sebelum ini, banyak bakat yang dinamik dan unik, sama ada individu mahupun berkumpulan, berjaya dicungkil, terutamanya dalam bidang muzik.

Pada masa yang sama, program ini melengkapi saranan KPM untuk melahirkan pelajar yang serba boleh dan memiliki cara hidup yang seimbang


antara pelajaran dengan aktiviti kokurikulum.

Program ini bermula sejak 28 Februari 2012 dan program peringkat akhir berlangsung pada 8 Mei 2012. Untuk menyertai pertandingan itu, pelajar perlu membentuk kumpulan yang mempunyai dua orang hingga enam orang ahli dan mendaftarkan kumpulan mereka menerusi sekolah masing-masing untuk satu daripada lima kategori, iaitu nyanyian, kugiran, kugiran instrumental, tari atau tradisional.

Sepuluh kumpulan dipilih dari setiap negeri untuk bertanding pada peringkat akhir bagi negeri tersebut. Dua kumpulan teratas dari setiap negeri pula layak menyertai pertandingan ke peringkat akhir, iaitu pada peringkat kebangsaan. Pada setiap tahap pertandingan, kumpulan yang layak perlu menghadiri kem yang menampilkan latihan motivasi, sesi berhuis diri dan raptai.

Program seperti ini dapat dijadikan landasan yang baik untuk melahirkan lebih banyak remaja yang berbakat dalam bidang muzik. Pada masa yang sama, remaja dibimbing untuk cenderung ke arah cabang muzik yang sihat dan lebih terarah. Hal ini sudah tentu dapat mengurangkan kadar masalah sosial dalam kalangan remaja.

Mungkin remaja kita boleh mencontohi kumpulan *hip hop* nasyyid dari Amerika Syarikat, Native Deen, yang dianggotai Naem Muhammad, Abdul-Malik Ahmad dan Joshua Salaam. Kumpulan muzik ini berpeluang untuk membimbing golongan remaja bermasalah menerusi muzik yang ditampilkan.

Peluang bertemu dengan pelbagai belia Muslim di seluruh dunia membolehkan Native Deen mendekati dan memberikan motivasi kepada golongan berkenaan. Muzik yang ditonjolkan oleh kumpulan ini bukan sahaja menghiburkan dan dapat menarik minat remaja, malah mampu memberikan motivasi dan membimbing belia yang bermasalah kepada jalan penyelesaian dan kebaikan. 



masyarakat yang celik muzik, malah berupaya mewujudkan generasi masa hadapan yang mempunyai teras jati diri yang kukuh serta memiliki tahap apresiasi mereka yang lebih tinggi.